

# Penternak ikan bangkit selepas rugi besar

UM 29/06/24 n/s 33

**TANJUNG MALIM:** Seorang penternak ikan air tawar, Mohd. Khalilullah Che Mood, 46, tidak pernah mengenal erti kalah walaupun pada awal pembabitannya dalam industri akuakultur itu lebih 10,000 anak ikan mati kerana kurangnya ilmu pengetahuan ketika itu.

Katanya, selepas mempelajari dengan lebih mendalam ilmu menternak ikan tilapia dan keli baru dia menyedari masalah itu disebabkan kandungan mineral yang tinggi dalam air dari sumber bawah tanah menyebabkan anak ikannya mati.

“Selepas merawat dulu sumber air bawah tanah yang digali berhampiran rumah baru ikan dapat membesar dan memberi pulangan yang baik.

“Itulah cabaran awal yang saya lalui sehingga terpaksa menanggung kerugian namun itu tidak sesekali mematahkan semangat saya untuk terus terbabit dalam ternakan ikan air tawar,” katanya ketika ditemui di Kampung Klan Halt 3, Behrang di sini.

Katanya, ikan keli diternak di bawah bangunan berbumbung dan mempunyai 16 buah kolam konkrit manakala lapan kolam kanvas digunakan untuk ternak ikan tilapia.

“Ikan tilapia mengambil masa antara empat hingga enam bulan dan ikan keli pula hanya mengambil masa dua hingga tiga bulan sebelum menuai hasil.

“Air yang digunakan untuk ternakan ikan keli perlu ditukar seminggu dua kali. Ternakan ikan tilapia pula saya menggunakan kaedah Bioflok iaitu air dirawat dengan campuran probiotik, tidak memerlukan air ditukar berbanding ternakan ikan keli,” katanya.

Ujarnya, teknik atau kaedah yang dia gunakan menyebabkan ikan ternakannya mempunyai rasa yang manis apabila dimakan selain tidak berbau hanyir.

Mohd Khalilullah turut menjual ikan keli dan tilapia secara pembungkusan sejuk beku yang diperap dengan garam dan kunyit.